

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2013/2014

NAMA KURSUS	:	SOSIOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 30502
PROGRAM	:	2 BBB/2 BBC/2 BBD/2 BBE/2 BBF
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2014
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN A DALAM RUANGAN YANG DISEDIAKAN . B) JAWAB DUA (2) SOALAN SAHAJA DARIPADA TIGA SOALAN DALAM BAHAGIAN B.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI ENAM (6) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** (a) Nyatakan definisi sosiologi pendidikan.

.....
.....

(2 markah)

- (b) Bezakan sosiologi dengan ilmu-ilmu sains sosial yang lain seperti di dalam jadual berikut.

BIDANG SAINS SOSIAL	BIDANG SOSIOLOGI
Contoh: <i>SEJARAH lebih berfokus kepada pengaruh individu-individu dan sebab-sebab sesuatu kejadian.</i>	<i>Berfokus kepada sebab dan akibat perubahan-perubahan dalam kehidupan sosial dan bermasyarakat.</i>
PSIKOLOGI	
FALSAFAH	

(8 markah)

- S2** (a) Senaraikan empat kepentingan sosiologi dalam pendidikan.

.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(b) Berikan maksud istilah-istilah berikut:

(i) Ras.....
.....

(ii) Etnik.....
.....

(iii) Bangsa.....
.....

(6 markah)

S3 (a) Berikan huraian ringkas teori-teori sosiologi berikut:

(i) Teori fungsionalisme :

.....
.....

(2 markah)

(ii) Teori konflik :

.....
.....

(2 markah)

(b) Nyatakan sebab utama Karl Marx menentang teori sosiologi sedia ada dan memperkenalkan sistem ekonomi sosialis.

.....
.....
.....
.....
.....

(6 markah)

- S4** (a) Terangkan tentang jenis kawalan sosial iklim bilik darjah dan interaksi dalam bilik darjah.

.....
.....
.....
.....
.....

(5 markah)


- (b) Secara ringkas, jelaskan apakah peranan proses sosialisasi dalam membentuk pengaruh yang baik terhadap murid-murid?

.....
.....
.....
.....
.....

(5 markah)

BAHAGIAN B

S5 Soalan S5 berdasarkan Rajah S5.



Rajah S5

- (a) Berikan tiga faktor dalaman sekolah yang perlu diuruskan oleh pihak pentadbir untuk membentuk budaya sekolah yang baik.
(3 markah)
- (b) Jalinan interaksi seluruh pihak dalam masyarakat amat penting bagi memastikan kejayaan pendidikan. Huraikan fakta ini dengan memberi contoh anda sendiri dengan berpandukan Rajah S5.
(5 markah)
- (c) Terdapat tiga corak budaya sekolah iaitu budaya instrumental, budaya ekspresif dan budaya moral. Gambarkan ciri-ciri sebuah sekolah yang berjaya mengadunkan kesemua corak-corak budaya itu.
(7 markah)

S6 Soalan 6 (b) dan (c) adalah berkenaan petikan yang berikut.

...Pada tahun 1903, hanya seramai 2900 anak melayu telah menamatkan sekolah. Daripada jumlah itu 24 orang mendapat kerja sebagai pembantu rumah atau pejabat, 10 orang menjadi guru sekolah Melayu, seorang menjadi anggota polis dan seorang menjadi kerani. Bakinya mengikut jejak langkah ibu bapa mereka menjadi petani dan nelayan (Stevenson, 1975)...

- (a) Jelaskan tentang corak mobiliti sosial mendatar dan menegak.
(5 markah)

- (b) Orang Melayu mewarisi pekerjaan nenek moyang mereka. Ini menunjukkan mobiliti sosial tidak berlaku pada awal abad ke-20. Jika hal ini berterusan, apakah kesannya kepada masyarakat dan negara?

(6 markah)

- (c) Berikan dua faktor yang menyebabkan mobiliti sosial dalam masyarakat Malaysia semakin baik selepas kemerdekaan sehingga sekarang.

(4 markah)

- S7** (a) Sesuatu perubahan sosial boleh mengakibatkan kontroversi. Terangkan maksud ciri perubahan sosial ini dengan memberikan contoh mudah.

(3 markah)

- (b) “Wanita-wanita di negara Korea Selatan telah melaburkan harta mereka dalam bentuk emas dan barang dagangan demi memajukan masyarakat dan negara selepas merdeka.”

Kenyataan di atas menunjukkan semangat patriotik adalah ciri utama dalam masyarakat yang maju. Berikan dua teknik yang boleh digunakan oleh guru untuk menanam semangat patriotik ke dalam jiwa para pelajar.

(5 markah)

- (c) Teori Modernisasi dalam perubahan sosial antaranya berpendapat perubahan berbentuk global, progresif, sistematik dan kompleks. Manakala menurut Teori Klasik Kitaran, sebarang perubahan itu berlaku secara tabi’i dan boleh berundur kepada keadaan asal. Pada pandangan anda, manakah antara teori tersebut yang lebih relevan dan mengapa?

(7 markah)

-SOALAN TAMAT-